



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**BAHASA MELAYU**  
**1103/1**  
**Kertas 2**  
2 jam 30 mini

---

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[ 35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata majmuk mantap. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

KANGAR: Sebaik melangkah ke Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Indera, pasti timbul persoalan mengenai papan tanda ‘Seri Indera Mall’ yang kelihatan seperti pasar raya di dalam sekolah itu. ‘Seri Indera Mall’ merupakan satu konsep kerjasama antara pihak pentadbir, kakitangan sekolah dengan murid untuk mewujudkan suasana selesa, santai dan kondusif kepada semua warga sekolah. Pihak sekolah melaksanakan program ini sebagai satu inovasi dalam menunaikan tanggungjawab pembelajaran dan pembangunan intelek serta kemahiran murid.

‘Seri Indera Mall’ diwujudkan untuk menonjolkan ciri kebitaraan atau keunikan diri murid yang tidak hanya tertumpu kepada akademik, beritahu Guru Besar SK Seri Indera, Nor Sharmila Shaari. Katanya lagi, idea untuk menghasilkan Seri Indera Mall ini bermula setelah Pengarah Pendidikan Negeri Perlis, Naharudeen Othman yang menyarankan sekolah-sekolah melakukan perubahan dalam suasana pembelajaran murid pada alaf ke-21 yang bertaraf antarabangsa.

(Dipetik dan diubah suai daripada ‘‘Pusat Beli-belah’ dalam Sekolah’’  
oleh Aizat Sharif)

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukar ayat aktif yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

Bidang kemahiran bukan lagi menjadi pilihan terakhir untuk pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sejajar Revolusi Industri 4.0. Lulusan teknik dan vokasional (TVET) mempunyai peluang yang lebih luas untuk mendapat pekerjaan. Oleh yang demikian, ramai yang berminat untuk meneruskan pengajian masing-masing dalam bidang TVET ini. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah memberikan penekanan yang khusus mengenai keperluan TVET dalam pasaran buruh dan ekonomi negara. Kita tidak dapat menyangkal kepentingan TVET kepada anak muda.

*Dipetik dan diubah suai daripada  
Lepasan TVET Kini Buruan  
Oleh Khairul Ariffin  
Dewan Siswa, Bil.2 2020*

[6 markah]

3. Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

#### Langkah-langkah Memajukan Sektor Pelancongan di Malaysia

Selain menikmati keindahan suasana dan pemandangan, kebanyakan kita melancong untuk beristirehat setelah penat berkerja. Kini, informasi dapat disebarkan secara meluas dengan menggunakan Internet dan diterima oleh sesiapa sahaja di seluruh pelusuk dunia dengan hanya menggunakan hujung jari. Teknologi yang tiada had ini wajar dimanfaatkan oleh kerajaan dan agensi pelancongan untuk mempromosikan keunikan dan keindahan yang negara kita miliki bagi memukau pelancong asing untuk melancong ke Malaysia.

Disamping itu, langkah mempekasakan sektor pelancongan ialah dengan menganjurkan kejohanan sukan peringkat antarabangsa. Langkah ini mengambil perbelanjaan yang tinggi tetapi hasil penganjurannya akan memberikan pulangan yang mewah. Sebagai warga negara, kita seharusnya membantu pelancongan domestik dengan mengunjungi pusat-pusat pelancongan di hujung minggu atau hari cuti dengan lebih kerap sebelum melancong ke luar negara.

[13 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

5. *Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa sahaja**. Kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Ibu : Sampai bila kamu hendak bertikam lidah dengan adik kamu tu Mas?

Mas : Adik yang tidak mahu mengalah ibu. Dia yang bersalah. Dialah perlu mengalah dulu. Biarlah apa pun yang hendak jadi.

Ibu : Mengalah tidak bererti salah Mas. Kamu berdua adik beradik. Sampai bila-bila pun air dicencang tidak akan putus.

Mas : Sikap adik tu seperti api dalam sekam. Selama ini Mas percayakan dia. Rupa-rupanya dia dalang atas semua yang berlaku.

Ibu : Ibu faham Mas. Mas ambillah masa untuk maafkan adik ya. Kamu hanya dua beradik saja. Bergaduh lama-lama pun tidak mendatangkan untung.

[4 markah]

## **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

6. *Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

*Bahan 1*

Saban tahun media massa melaporkan pelbagai kes disiplin di sekolah termasuklah kes buli atau kecelaruan tingkah laku. Kejadian buli yang semakin membarah ini memberikan kesan kesihatan fizikal dan psikologi terhadap mereka yang dibuli, malah dalam sesetengah kes turut melibatkan kematian.

Senario kes-kes buli di sekolah jelas menunjukkan bahawa tingkah laku buli dan gengsterisme berupa perlakuan ganas dan agresif yang melibatkan aspek psikologi, fizikal, dan lisan yang dilakukan secara individu atau berkumpulan terhadap pihak atau individu yang lemah.

Buli dipercayai mempunyai perkaitan dengan gabungan faktor persekitaran sosial seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang. Selain itu, aspek psikologi yang berkaitan dengan gangguan mental, iaitu ingin mencari keseronokan dan mencapai kepuasan dengan membuli orang lain. Faktor lain yang turut mendorong perlakuan buli ialah pengaruh media massa yang sering memaparkan aksi ganas.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Menangani Kes Buli di Sekolah, oleh Samat Buang,  
Bil.9,Dewan Siswa)



(Sumber: Internet)

(i) Berdasarkan bahan 1, nyatakan dua jenis buli yang sering dilakukan secara individu atau berkumpulan. [2 markah]

(ii) Berdasarkan semua bahan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan gejala buli berlaku? [3 markah]

(iii) Masyarakat berasa bimbang tentang gejala buli yang berlaku baik di sekolah harian biasa mahupun di sekolah berasrama penuh.

Pada pendapat anda,apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani gejala buli?

[4 markah]

(iv) Rakan anda telah beberapa kali menjadi mangsa buli kumpulan senior di sekolah. Rakan anda diperas ugut untuk memberikan sejumlah wang kepada kumpulan mereka. Jika rakan anda tidak memberi wang tersebut, rakan anda dipukul dan dihina oleh mereka.

Sebagai rakan, cadangkan tindakan-tindakan yang wajar diambil oleh rakan anda untuk mengatasi masalah tersebut? [4 markah]

7. *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

*Bahan 1*

Setelah tiga tahun dalam tahanan reman berulang-alik menghadiri perbicaraan di mahkamah, pihak pendakwa berjaya membuktikan kesalahan dan hakim menjatuhkan hukuman penjara sepanjang hayat ke atas Abu dan Jamal.

Perbuatan Abu telah *menyentuh perasaan* ibunya. Hanya air mata menjadi saksi kesedihan yang terpaksa ditanggung oleh seorang ibu. Sesungguhnya tiada seorang ibu pun di dunia ini yang mahukan anak yang dikandungnya selama sembilan bulan terpaksa meringkuk di dalam sel penjara. Ibu selalu berpesan kepada Abu supaya harus bijak memilih kawan. Kawan yang baik haruslah didampingi. Kawan yang tidak baik haruslah disempadani. Janganlah terpengaruh dengan ajakan kawan yang boleh membawa kemusnahan. Ingatlah cerminan kita adalah dengan siapa kita berkawan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Cerpen ‘Pendakian Tujuh Gunung’,  
oleh Sallehuddin Ibrahim,  
Dewan Siswa Bil. 7, 2017,

*Bahan 2*

**Pesan Ibu Beribu-ribu**

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu  
“Buat begini jangan begitu  
bacalah buku selalu  
kukuhkan diri dengan ilmu  
pilihlah kawan yang mulia hati  
tolaklah kawan pementing diri  
pilihlah kawan yang punya petunjuk  
tolaklah kawan bertabiat buruk.”  
Ibu yang satu menyekat kita di pintu  
bertanya ke mana arah tuju  
“Jagalah diri selalu  
di luar sana mungkin bencana menunggu.”  
Kita menjadi jemu  
mendengar pesanan beribu-ribu  
tapi ibu tetap ibu  
pesanan bertambah satu dan satu  
“Jangan dibiar kepala berkutu  
carilah ubat jerawat batu.”

Dipetik daripada sajak “Pesan Ibu Beribu-ribu”  
oleh Rahman Shaari  
dalam antologi *Bintang Hati*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan bahan 1, nyatakan maksud *menyentuh perasaan*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan pesanan ibu kepada anaknya. [3 markah]

(iii) Jasa ibu bapa tidak ternilai dalam membesarkan kita.

Pada pendapat anda, apakah cara terbaik yang dapat dilakukan oleh seorang anak untuk membalas jasa ibu bapanya? [4 markah]

(iv) Anda telah mendapat tahu bahawa ibu rakan anda menghidapi penyakit berbahaya yang mengancam nyawanya. Kos untuk mengubati penyakit tersebut sangat tinggi. Keluarganya tidak mampu menampung kos rawatan tersebut.

Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, apakah tindakan anda untuk membantu rakan yang menghadapi masalah tersebut?

[4 markah]

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mereka berjalan melalui satu lorong yang agak sempit. Di kanannya dinding konkrit, manakala di sebelah kiri pula ialah dinding kaca lut sinar yang membolehkan Farisha melihat deretan ruang kerja beberapa puluh orang pekerja Soft Lab yang sedang tekun dengan tugas masing-masing.

“Di sebelah kiri ini ialah jabatan pembangunan perisian,” terang Aqram apabila dia melihat Farisha meninjau-ninjau.

“Wow, ramai juga ya!” kata Farisha, kagum.

Mereka berdua tiba di hadapan sebuah pintu kecil yang memerlukan imbasan retina dan juga jari. Pintu itu tidak diletakkan sebarang tanda.

“Kita akan memasuki pusat dua dari pintu belakang,” kata Aqram apabila dia terlihat wajah Farisha seperti sedikit keliru.

“Oh, maafkan saya! Saya ingatkan pintu tandas tadi. Hairan pula sebab ada pengimbas diletakkan di sini, balas Farisha yang hampir tertawa apabila memikirkan kebodohnya.

Dipetik daripada  
novel *Di Sebalik Dinara*  
karya Dayang Noor  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan keadaan Soft Lab.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan perasaan kasih sayang

[6 markah]



### Bahagian C : Rumusan

[30 Markah]

9. *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1
---------

Konsep Sekolahku Sejahtera dilancarkan pada 21 Februari 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konsep Sekolahku SEJAHTERA menggariskan 14 elemen iaitu selamat, sihat, seronok, etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi. Secara asasnya, kesemua elemen tersebut telah lama diperkenalkan di sekolah, namun pengenalan konsep sekolahku SEJAHTERA ini bertujuan untuk mengangkat 14 elemen tersebut secara lebih terperinci, bersasar dan berterusan. Penekanan konsep ini penting untuk memastikan pelajar yang lahir daripada sistem pendidikan negara mampu bersaing pada peringkat dunia.

Konsep sekolahku SEJAHTERA penting bagi memastikan sekolah tetap menjadi tempat yang selamat, seronok dan melahirkan murid yang sihat. Melalui konsep ini, sekolah akan menjadi platform ampuh untuk membentuk etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi dalam kalangan murid. Kesemua nilai ini sangat penting untuk disuburkan dalam jiwa masyarakat khususnya generasi muda kerana hanya insan yang kaya jiwanya dengan pelbagai nilai mampu memberikan sumbangan optimum kepada bangsa dan negara. Untuk mencapai matlamat yang digarap dalam sekolahku SEJAHTERA bukannya mudah tetapi bukan juga mustahil seandainya mendapat kerjasama yang ampuh daripada pelbagai pihak. Namun, wujud pelbagai cabaran dalam melaksanakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA. Untuk mendapatkan kerjasama seluruh warga sekolah bukannya mudah. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya yang negatif juga menjadi cabaran dalam pelaksanaan konsep ini.

Kesimpulannya, Konsep Sekolahku SEJAHTERA perlu dijayakan demi kemakmuran negara pada hari muka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sekolahku SEJAHTERA : Penerapan Nilai Terbaik untuk Murid'  
oleh Nurul Atikah  
Dewan Masyarakat, JUN 2022

## Bahan 2

### Sekolahku SEJAHTERA

Sekolahku SEJAHTERA agenda negara  
memandu guru melahirkan insan cemerlang  
menyemai benih-benih nilai di jiwa-jiwa suci harapan nusa  
biar perkasa menangkis segala pengaruh negatif  
demi melonjakkan ketamadunan bangsa  
di dada langit globalisasi

Sekolahku SEJAHTERA  
terjamin keselamatan anak bangsa  
meneroka segala ilmu dan kemahiran tuntutan zaman  
biar gah nama Malaysia di persada dunia.

AB Rodz  
Taiping

## Bahan 3

Pengaruh modenisasi yang begitu meluas menjadi cabaran dalam pelaksanaan sekolahku SEJAHTERA kerana pengaruh modenisasi banyak mempengaruhi sikap generasi kini.

Saya setuju. Bukan mudah hendak mengubah sikap yang sudah sebatik dalam diri murid. Tambahan pula, masih terdapat ramai ibu bapa yang mengabaikan penerapan nilai dalam diri anak-anak.

